

Generasi muda sumber penting

U.M. 24 AUG 1993

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Generasi muda adalah antara sumber terpenting yang akan membawa negara ke mercu kejayaan yang lebih cemerlang sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, generasi muda adalah tenaga yang perlu didedahkan kepada pendidikan dan pengetahuan kerana Malaysia memerlukan penduduk yang berupaya mengendalikan teknologi tinggi, berpengetahuan luas, berdisiplin, amanah serta berhemah tinggi.

Dalam mengejar pengetahuan dan teknologi tinggi bagi menghadapi cabaran masa depan, Dr. Mahathir bagaimanapun mengingatkan generasi

muda supaya tidak membelakangkan nilai-nilai murni.

"Kemajuan yang kita idamkan di bawah Wawasan 2020 adalah pembangunan yang seimbang antara materialisme dan kerohanian.

Wajar

"Memanglah wajar kanak-kanak didedahkan kepada pendidikan moral sejak kecil lagi supaya mereka menjadi warganegara yang bukan sahaja berwibawa dalam segala aspek tetapi juga bermoral tinggi," katanya.

Berucap pada Majlis Penutup Perayaan 100 Tahun Esso di sini pagi ini, Dr. Mahathir berkata, komponen moral dan etika mestilah menjadi seba-

hagian yang penting dalam usaha mengejar pengetahuan dan kemahiran.

"Hanya moral yang tinggi sahaja boleh menjamin segala nikmat dan kemajuan akan berkekalan," kata Perdana Menteri.

Pada majlis itu Pengurus Esso Production Malaysia, Morris E. Foster telah menyumbangkan derma bernilai RM1 juta kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk menubuhkan sebuah pusat sumber hipermedia di perpustakaan itu.

Dr. Mahathir menerima sumbangan tersebut sebelum menyerahkannya kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Mariam Abdul Kadir pada majlis yang sama.

Pusat hipermedia teknologi tinggi tajaan Esso itu akan dibina di ruang kanak-kanak bangunan baru Perpustakaan Negara Malaysia di Jalan Tun Razak di sini.

Antara lain pusat sumber hipermedia itu akan mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai media maklumat khususnya komputer bagi membolehkan mereka berinteraksi dengan teknologi terkini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri yakin pusat sumber hipermedia itu akan menguji kebolehan serta mencabar keupayaan kanak-kanak dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran masa depan.

"Saya berharap pusat ini dapat diperluaskan ke

perpustakaan-perpustakaan lain bagi mendedahkan kanak-kanak di luar Kuala Lumpur kepada kaedah baru ini," kata beliau.

Dr. Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada Esso atas sumbangan

tersebut dan berharap syarikat itu akan terus bekerjasama dengan kerajaan untuk pembangunan negara.

Sementara itu Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Mariam Abdul Kadir berkata, penubuh-

an pusat sumber hipermedia sumbangan Esso akan memberi peluang kepada kanak-kanak memahami, mempelajari dan berdikari dengan menggunakan idea dan kepintaran mereka untuk berkreatif.

Sumbangan itu, katanya, membuktikan kerajaan dan pihak swasta berganding bahu ke arah mencapai masyarakat Malaysia yang maju, kreatif, berbudaya sains dan teknologi serta kaya dengan maklumat.